



Solar For Rakyat Incentive Scheme

## Soalan Lazim untuk Solar for Rakyat Incentive Scheme (SolaRIS)

### 1. Apa itu SolaRIS?

**Solar For Rakyat Incentive Scheme, SolaRIS** ialah program insentif yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu melalui pemasangan solar fotovoltai (PV) di kalangan pelanggan kediaman untuk meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu kepada 70% menjelang tahun 2050 dan mengurangkan pelepasan karbon.

Rebat tunai sehingga RM4,000 akan diberikan kepada pelanggan kediaman yang mengemukakan permohonan *Net Energy Metering* (NEM) kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia pada dan selepas 1 April 2024 serta berjaya memulatugas sistem pemasangan solar PV mereka dengan TNB.

### 2. Siapakah yang layak untuk SolaRIS?

Pelanggan layak untuk menerima rebat jika mereka memenuhi kriteria berikut:

- Pelanggan Kediaman TNB (Tarif A) \*Kecuali perniagaan
- Pemohon NEM Rakyat kali pertama yang berjaya bermula 1 April 2024
- Warganegara Malaysia

\*Setiap pelanggan layak menerima SATU rebat sahaja

### 3. Bagaimanakah saya boleh menyertai program SolaRIS?

Anda boleh merujuk infografik.

### 4. Berapakah jumlah rebat SolaRIS yang saya boleh perolehi?

Rebat adalah berdasarkan kapasiti pemasangan yang didaftarkan (*Declared Installed Capacity*, kWac). Anda boleh menyemak nilai kapasiti ini di sijil NEM Rakyat. 1kWac bersamaan dengan RM1,000 (dengan had RM4,000).

Contoh 1:	Contoh 2:
Kapasiti solar PV yang dipasang = 2.45kWac Rebat tunai = 2.45kWac * RM1,000 = RM2,450	Kapasiti solar PV yang dipasang = 5kWac Rebat tunai = RM4,000 (Maksima)

### 5. Bilakah saya akan menerima bayaran rebat?

Pembayaran rebat hanya akan dibuat selepas pemasangan serta pengoperasian sistem solar PV di bawah program NEM Rakyat, atas nama pemegang bil dan akan didepositkan ke dalam akaun bank tempatan pelanggan, tertakluk kepada terma dan syarat program SolaRIS.

**6. Saya telah berjaya memperolehi kelulusan NEM Rakyat sebelum 1 April 2024. Adakah saya layak menerima rebat?**

Tidak. Hanya permohonan dan kelulusan pada atau selepas 1 April 2024 layak menerima rebat. Anda boleh merujuk tarikh permohonan dan kelulusan di sijil NEM Rakyat yang dikeluarkan oleh SEDA.

**7. Saya memohon NEM Rakyat sebelum 1 April 2024 dan berjaya memperolehi sijil NEM Rakyat selepas 1 April 2024. Adakah saya layak menerima rebat?**

Tidak. Hanya permohonan dan kelulusan pada atau selepas 1 April 2024 layak menerima rebat. Anda boleh merujuk tarikh permohonan dan kelulusan di sijil NEM Rakyat yang dikeluarkan oleh SEDA.

**8. Saya mempunyai beberapa rumah dengan pemasangan solar PV dan saya mengemukakan permohonan di bawah NEM Rakyat selepas 1 April 2024. Bolehkah saya memohon rebat untuk semua?**

Tidak, anda hanya layak menerima satu rebat untuk rumah yang paling awal berjaya dimulatugas dengan TNB selepas 1 April 2024.

**9. Saya telah membeli rumah dengan pemasangan solar PV sedia ada di bawah NEM Rakyat daripada pemilik terdahulu. Bolehkah saya memohon rebat?**

Tidak, anda tidak layak:

- i. sekiranya pemilik terdahulu telah pun menerima rebat.
- ii. jika pemilik sebelumnya telah memulatugas pemasangan solar PV sebelum 1 April 2024.

**10. Saya telah menambah kapasiti pemasangan solar PV saya selepas 1 April 2024. Adakah saya layak menerima rebat?**

Tidak, anda tidak layak menerima rebat. Pelanggan NEM sedia ada yang menambah kapasiti pemasangan solar PV tidak layak menerima rebat.

**11. Saya telah menarik diri daripada kuota NEM Rakyat sebelum ini dan masih belum mulatugas pemasangan solar PV. Adakah saya layak menerima rebat jika saya menerima kelulusan kuota baru selepas 1 April 2024?**

Tidak, anda tidak layak menerima rebat. Hanya pemohon NEM Rakyat kali pertama yang berjaya pada atau selepas 1 April 2024 layak menerima rebat.

**12. Saya telah menyerahkan kuota NEM Rakyat saya selepas mulatugas solar PV. Adakah saya layak menerima rebat jika saya mendapat kelulusan daripada kuota baharu yang dikeluarkan selepas 1 April 2024?**

Tidak, anda tidak layak menerima rebat. Hanya pemohon NEM Rakyat kali pertama yang berjaya pada atau selepas 1 April 2024 layak menerima rebat.

### **13. Bilakah tarikh terakhir untuk memohon SolaRIS?**

Pemberian rebat adalah berdasarkan prinsip “first come first served” bagi kuota NEM Rakyat yang dimohon bermula 1 April sehingga 31 Disember 2024 dan permohonan NEM Rakyat yang telah diperolehi perlu beroperasi selewat-lewatnya 31 Mac 2025, atau sehingga kesemua kuota rebat SolaRIS habis diagihkan, yang mana terdahulu.

### **14. Saya tidak menerima sebarang e-mel mengenai SolaRIS selepas memulatugas pemasangan solar PV. Apa yang perlu saya buat?**

Anda boleh menghubungi TNB CareLine melalui saluran berikut:

- Hubungi 1-300-88-5454
- Emel ke [tnbcareline@tnb.com.my](mailto:tnbcareline@tnb.com.my)
- *Private Message* (PM) di Facebook TNB Careline atau *Direct Message* (DM) di X @Tenaga\_Nasional